# Laporan siasatan insiden kebakaran Putra Heights dedah tiada unsur khianat

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my



*HUSSEIN, gambar fail. FOTO NSTP*

Shah Alam: Polis mengesahkan siasatan berhubung letupan saluran paip gas di Putra Heights yang berlaku April lalu tidak mempunyai unsur khianat atau kecuaian sehingga menyebabkan kerosakan.

Dapatan itu didedahkan pada sidang media Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di sini, hari ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan menyeluruh dilakukan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Petronas serta pelbagai agensi, dengan mengambil kira semua sudut kemungkinan.

Menurutnya, siasatan dilakukan polis dijalankan secara terperinci mengikut dua aspek iaitu mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dan aspek kecuaian mengikut Seksyen 285 Kanun Keseksaan dan Seksyen 286 kanun sama.

"Polis menjalankan siasatan dengan memproses tempat kejadian, mengambil sampel, merakam percakapan seramai 212 saksi merangkumi mangsa, pihak Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor, saksi bebas dan lain-lain.

"Hasil siasatan pembinaan lot kedai di kawasan kejadian mengikut garis panduan dan tiada kerja pembinaan terkesan dan aktiviti kerja berakhir 30 Mac lalu.

"Tumpuan turut dilihat pada penggantian paip pembetung, serta kemungkinan letupan bom atau pembakaran bahan lain," katanya pada sidang media di, sini, hari ini.

Beliau berkata, bacaan petunjuk juga menunjukkan tekanan gas adalah normal dan hanya menurun mendadak pada hari kejadian.

"Bagaimanapun, semua itu dikenal pasti tidak menjadi penyebab kejadian. Sehubungan itu, hasil siasatan mendapati tiada unsur khianat, sabotaj atau kecuaian sehingga menyebabkan kerosakan," katanya.

**Disiarkan pada: June 30, 2025 @ 5:32pm**
d

URL :
https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/06/1235638/laporan-siasatan-insiden-kebakaran-putra-heights-dedah-tiada-unsur-khianat

MYMETRO ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Satu Platfom, Semua Berita.
Rasai Pengalaman Baharu dengan Arah.
arah



# Letupan paip gas Putra Heights: Tiada unsur kecuaian, sabotaj atau khianat




Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 30 Jun 2025, 5:54 pm

SHAH ALAM: Tiada sebarang unsur kecuaian, sabotaj atau khianat berhubung insiden letupan saluran paip gas milik Petronas di Putra Heights, Subang Jaya dekat sini pada 1 April lalu. Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, dapatan itu diperoleh menerusi siasatan terperinci yang dijalankan. HUSSEIN OMAR KHAN Katanya, siasatan menyeluruh yang dilakukan bersama pelbagai agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Petronas mendapati, kejadian itu berpunca daripada saluran paip gas bawah tanah. "Kebakaran berlaku kira-kira pukul 8.06 pagi dan bomba mengambil masa selama tujuh jam untuk memadamkan sepenuhnya...

URL :
https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/letupan-paip-gas-putra-heights-tiada-unsur-sabotaj/

UTUSAN MALAYSIA ONLINE
TARIKH : 01 JULY 2025

# Letupan saluran paip gas di Putra Heights tiada unsur khianat, cuai - Polis

News Trending



Harian Metro 16 hours ago

Shah Alam: Polis mengesahkan letupan saluran paip gas di Putra Heights pada April lalu tidak mempunyai unsur khianat atau kecuaian sehingga menyebabkan kerosakan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, ia selepas siasatan dilakukan secara terperinci mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dan aspek kecuaian mengikut Seksyen 285 Kanun Keseksaan serta Seksyen 286 kanun sama.

Menurutnya, polis menjalankan siasatan dengan memproses tempat kejadian, mengambil sampel, merakam percakapan seramai 212 saksi merangkumi mangsa, pihak Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor, saksi bebas dan lain-lain.

"Hasil siasatan pembinaan lot kedai di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan dan tiada kerja pembinaan terkesan dan aktiviti kerja berakhir 30 Mac lalu.

"Bacaan petunjuk juga menunjukkan tekanan gas adalah normal dan hanya menurun mendadak pada hari kejadian," katanya pada sidang media di, sini, hari ini.

Beliau berkata, sehubungan itu, hasil siasatan mendapati tiada unsur khianat, sabotaj atau kecuaian sehingga menyebabkan kerosakan.

Disiarkan pada: Jun 30, 2025 @ 5:21pm

URL : https://luminews.my/news/3322332

LUMI NEWS MALAYSIA

TARIKH : 01 JULY 2025

# TERKINI: Tiada sabotaj, kecuaian dalam letupan paip gas Putra Heights

News



Berita Harian 18 hours ago

SHAH ALAM: Tiada unsur sabotaj, perbuatan khianat atau kecuaian dikenal pasti sebagai punca kejadian letupan paip gas bawah tanah milik Petronas di Putra Heights, Subang Jaya, pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata siasatan dijalankan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) mengambil kira dua perkara berbeza membabitkan aspek keselamatan dan forensik kebakaran.

Siasatan polis secara terperinci telah dijalankan meliputi dua aspek. Yang pertama, perbuatan khianat, di mana siasatan dilakukan bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu melakukan khianat dengan api atau bahan letupan yang boleh menyebabkan kerosakan.

Yang kedua, dari aspek kecuaian di bawah Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan iaitu kelakuan cuai berkenaan dengan api atau bahan letupan yang boleh menyebabkan cedera atau bencana, atau benda yang mudah terbakar yang menyebabkan cedera atau bencana," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di sini, hari ini.

Dalam sidang media dipengerusikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, itu, laporan siasatan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum JKKP, Husdin Che Mat.

Hussein berkata, tumpuan siasatan diberikan kepada beberapa faktor utama termasuk kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan, pembinaan lot kedai dan penggantian paip pembetung.

"Kita juga meneliti sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak, dan lain-lain aktiviti termasuk sebarang letupan bom, pembakaran, mercun dan sebagainya," katanya.

Terdahulu, Datuk Hussein berkata kebakaran yang berlaku pada 1 April lalu direkodkan sekitar jam 8.06 pagi, manakala operasi pemadaman oleh pihak bomba bermula jam 8.22 pagi dan tamat pada 3.45 petang, dengan tempoh keseluruhan kira-kira tujuh jam.

Mengulas lanjut, Hussein berkata siasatan polis turut meliputi kemungkinan lain yang boleh menyebabkan letupan seperti letupan bom, pembakaran mercun dan sebagainya.

"Dalam siasatan ini, pihak polis memproses tempat kejadian untuk mencari bahan bukti dan mengambil sampel tertentu. Hasil siasatan mendapati tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan kejadian.

"Polis turut merakam percakapan 212 saksi merangkumi mangsa, saksi-saksi, serta agensi luar termasuk pihak Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor, pakar bebas dan pengguna media sosial," katanya.

Hussein berkata, siasatan mendapati pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembetung di kawasan kejadian telah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak MBSJ, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

"Iaitu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter (m) daripada paip gas Petronas.

"Yang kedua, kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan paip Petronas secara langsung.

"Keadaan fizikal paip gas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan jarak antara paip Petronas dan paip kumbahan adalah 35 meter," katanya.

Hussein berkata hasil siasatan polis mendapati sebelum kejadian berlaku, tiada sebarang petunjuk daripada segi bacaan tekanan oleh 'Petronas Gas Control Centre'.

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian berlaku, bacaan tekanan gas menurun dengan mendadak," katanya.

Tambah Hussein, siasatan polis turut mendapati tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian berlaku dan tidak terkesan sebarang aktiviti sabotaj atau khianat.

"Kerja-kerja penggantian paip pembetung juga telah berakhir pada 30 Mac 2025, manakala tekanan gas dalam sistem direkodkan normal dan hanya menurun secara mendadak sewaktu kejadian.

"Kesimpulan daripada siasatan ini, pihak polis mendapati tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian yang dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan," katanya.



Letupan saluran paip gas sepanjang 500 meter yang menyebabkan kebakaran di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, 1 April lalu. - Fail NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

URL : https://luminews.my/news/3322309

**LUMI NEWS MALAYSIA**

**TARIKH : 01 JULY 2025**

# TERKINI: Tiada sabotaj, kecuaian dalam letupan paip gas Putra Heights

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Jun 30, 2025 @ 5:19pm

SHAH ALAM: Tiada unsur sabotaj, perbuatan khianat atau kecuaian dikenal pasti sebagai punca kejadian letupan paip gas bawah tanah milik Petronas di Putra Heights, Subang Jaya, pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata siasatan dijalankan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) mengambil kira dua perkara berbeza membabitkan aspek keselamatan dan forensik kebakaran.

"Siasatan polis secara terperinci telah dijalankan meliputi dua aspek. Yang pertama, perbuatan khianat, di mana siasatan dilakukan bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu melakukan khianat dengan api atau bahan letupan yang boleh menyebabkan kerosakan.

"Yang kedua, dari aspek kecuaian di bawah Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan iaitu kelakuan cuai berkenaan dengan api atau bahan letupan yang boleh menyebabkan cedera atau bencana, atau benda yang mudah terbakar yang menyebabkan cedera atau bencana," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di sini, hari ini.

Dalam sidang media dipengerusikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, itu, laporan siasatan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum JKKP, Husdin Che Mat.

Hussein berkata, tumpuan siasatan diberikan kepada beberapa faktor utama termasuk kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan, pembinaan lot kedai dan penggantian paip pembetung.

"Kita juga meneliti sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak, dan lain-lain aktiviti termasuk sebarang letupan bom, pembakaran, mercun dan sebagainya," katanya.

Terdahulu, Datuk Hussein berkata kebakaran yang berlaku pada 1 April lalu direkodkan sekitar jam 8.06 pagi, manakala operasi pemadaman oleh pihak bomba bermula jam 8.22 pagi dan tamat pada 3.45 petang, dengan tempoh keseluruhan kira-kira tujuh jam.

Mengulas lanjut, Hussein berkata siasatan polis turut meliputi kemungkinan lain yang boleh menyebabkan letupan seperti letupan bom, pembakaran mercun dan sebagainya.

"Dalam siasatan ini, pihak polis memproses tempat kejadian untuk mencari bahan bukti dan mengambil sampel tertentu. Hasil siasatan mendapati tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan kejadian.

"Polis turut merakam percakapan 212 saksi merangkumi mangsa, saksi-saksi, serta agensi luar termasuk pihak Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor, pakar bebas dan pengguna media sosial," katanya.

Hussein berkata, siasatan mendapati pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembetung di kawasan kejadian telah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak MBSJ, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

"Iaitu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter (m) daripada paip gas Petronas.

"Yang kedua, kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan paip Petronas secara langsung.

"Keadaan fizikal paip gas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan jarak antara paip Petronas dan paip kumbahan adalah 35 meter," katanya.

Hussein berkata hasil siasatan polis mendapati sebelum kejadian berlaku, tiada sebarang petunjuk daripada segi bacaan tekanan oleh 'Petronas Gas Control Centre'.

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian berlaku, bacaan tekanan gas menurun dengan mendadak," katanya.

Tambah Hussein, siasatan polis turut mendapati tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian berlaku dan tidak terkesan sebarang aktiviti sabotaj atau khianat.

"Kerja-kerja penggantian paip pembetung juga telah berakhir pada 30 Mac 2025, manakala tekanan gas dalam sistem direkodkan normal dan hanya menurun secara mendadak sewaktu kejadian.

"Kesimpulan daripada siasatan ini, pihak polis mendapati tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian yang dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan," katanya.




Letupan saluran paip gas sepanjang 500 meter yang menyebabkan kebakaran di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, 1 April lalu. - Fail NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

URL : https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1414157/terkini-tiada-sabotaj-kecuaian-dalam-letupan-paip-gas-putra-heights

**BERITA HARIAN ONLINE**

**TARIKH : 01 JULY 2025**

URL : https://www.scoop.my/berita/262615/letupan-gas-putra-heights-tiada-unsur-khianat-sabotaj-atau-kecuaian-kata-ketua-polis-selangor/



*Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sebagai punca sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam kejadian di Putra Heights, 1 April lalu. - Gambar fail Bernama, 30 Jun, 2025*

BERITA

# Letupan gas Putra Heights: Tiada unsur khianat, sabotaj atau kecuaian, kata Ketua Polis Selangor

Letupan salauran paip gas di Putra Heights berpunca daripada masalah teknikal, kata polis

Irwan Shafrizan Ismail

Dikemaskini 16 jam lalu

Diterbit 30 Jun, 2025 5:42 PM MYT

**SHAH ALAM** – Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sebagai punca sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam kejadian di Putra Heights, 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan menyeluruh dilakukan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Petronas serta pelbagai agensi, dengan mengambil kira semua sudut kemungkinan.

"Siasatan merangkumi dua aspek utama iaitu perbuatan khianat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan dan unsur kecuaian di bawah Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan, namun tiada bukti menunjukkan elemen terbabit menjadi punca letupan.

"Tumpuan turut diberi terhadap kerja pembinaan lot kedai, penggantian paip pembetung, serta kemungkinan letupan bom atau pembakaran bahan lain.

"Bagaimanapun, semua itu dikenal pasti tidak menjadi penyebab kejadian," katanya pada sidang media Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, siasatan pihaknya juga mendapati pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung di kawasan kejadian telah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Petronas.

"Iaitu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter dari paip gas Petronas.

"Kerja-kerja korekan tanah untuk penggantian paip yang dijalankan kontraktor tidak mengakibatkan gangguan paip Petronas secara langsung kerana keadaan paip fizikal gas Petronas berada di kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan jarak paip Petronas adalah 3.5 meter dari paip kumbahan.

"Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian berlaku dan tidak terkesan sebarang aktiviti sabotaj atau khianat.

"Kerja-kerja penggantian paip kumbahan telah berakhir pada 30 Mac 2025," katanya.

Tambah beliau, sebelum kejadian berlaku, tiada sebarang petunjuk dari segi bacaan tekanan oleh 'Petronas Gas Control Centre'.

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian berlaku, bacaan tekanan gas menurun dengan mendadak.

"Selain itu tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan kejadian," katanya.

Dalam kejadian 1 April lalu, letupan paip gas itu menyebabkan kebakaran dan kemusnahan harta benda dalam skala besar.

Tragedi letupan yang berlaku kira-kira jam 8.10 pagi pada Hari Raya Aidilfitri kedua itu telah menjejaskan seramai 529 penduduk daripada 118 keluarga.

Sejumlah 235 premis termasuk rumah dan kedai terjejas dengan 87 unit musnah sepenuhnya.

Selain itu sebanyak 225 buah kenderaan pula mengalami kerosakan. Kejadian menyebabkan seramai 126 individu cedera termasuk ada dirawat di unit rawatan rapi. – 30 Jun, 2025

SCOOP ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

# Polis sahkan tiada unsur sabotaj atau kecuaian dalam letupan paip gas PETRONAS di Putra Heights

By | Published: June 30, 2025, 5:56 pm

Kongsi



SHAH ALAM 30 Jun – Polis mengesahkan tiada unsur sabotaj, perbuatan khianat atau kecuaian dikenal pasti sebagai punca kejadian letupan paip gas bawah tanah milik PETRONAS di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan menyeluruh melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), PETRONAS serta pihak polis telah dijalankan dengan mengambil kira semua kemungkinan.

"Siasatan merangkumi dua aspek utama iaitu perbuatan khianat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan dan unsur kecuaian di bawah Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan, namun tiada bukti menunjukkan elemen terbabit menjadi punca letupan," katanya.

Menurut beliau, siasatan turut meneliti aspek berkaitan kerja pembinaan lot kedai, penggantian paip pembetung serta kemungkinan letupan bom atau pembakaran bahan lain.

"Bagaimanapun, semua itu dikenal pasti tidak menjadi penyebab kejadian," jelasnya.

Penemuan hasil siasatan tersebut diumumkan dalam sidang media khas berhubung Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights yang berlangsung di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor hari ini.

Letupan yang berlaku sebelum ini telah mencetuskan kebimbangan awam dan merosakkan sebahagian kawasan berhampiran, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

URL : https://www.mediatelus.com//detail/9238

MEDIA TELUS ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

# Siasatan Selesai, Letupan Paip Gas Di Putra Heights Tiada Unsur Khianat Atau Kecuaian

Polis sahkan letupan paip gas di Putra Heights tiada unsur khianat atau kecuaian selepas siasatan lengkap dijalankan.

Oleh Arini Saleh
Pada 30/06/2025

SHARE TWEET




TRENDING

Terkini! Siasatan terperinci kes letupan saluran paip gas di Putra Height mendapati tiada unsur khianat atau kecuaian.

Memetik laporan Harian Metro, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan dilakukan secara menyeluruh termasuk memproses lokasi kejadian, mengambil sampel serta merakam percakapan lebih 200 saksi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

## Siasatan rapi libatkan 212 saksi



Menurut Datuk Hussein, siasatan dijalankan mengikut beberapa seksyen di bawah Kanun Keseksaan termasuk Seksyen 435 (khianat), Seksyen 285 (kecuaian) dan Seksyen 286.

Antara pihak yang dirakam percakapan termasuklah mangsa, wakil Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor serta saksi bebas.

Beliau turut menjelaskan bahawa bacaan tekanan gas adalah normal sebelum kejadian dan hanya menurun mendadak pada hari letupan berlaku.

URL : https://ohmedia.my/trending/siasatan-selesai-letupan-paip-gas-di-putra-heights-tiada-unsur-khianat-atau-kecuaian/

OH!MEDIA ONLINE
TARIKH : 01 JULY 2025

# Tiada unsur sabotaj, kecuaian dalam kebakaran paip gas – Polis

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR Follow

30 Jun 2025 05:41pm
Masa membaca: 2 minit



Hussein.

SHAH ALAM - Polis Selangor mengesahkan tiada unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti dalam insiden kebakaran melibatkan saluran paip gas milik Petronas di Putra Heights Subang Jaya pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, hasil siasatan menyeluruh bersama pelbagai agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Petronas mendapati kejadian itu berpunca daripada saluran paip gas bawah tanah milik syarikat berkenaan.

"Kebakaran berlaku kira-kira jam 8.06 pagi dan mengambil masa tujuh jam untuk dipadamkan sepenuhnya oleh bomba.

"Siasatan polis melibatkan dua aspek utama iaitu unsur khianat di bawah Seksyen 435 dan kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung laporan siasatan insiden kebakaran Putra Heights di Wisma Dewan Annexe Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Shah Alam di sini pada Isnin.

Menurut beliau, siasatan turut memberi tumpuan kepada beberapa faktor antaranya kerja-kerja pembinaan deretan kedai dan penggantian paip oleh kontraktor, kemungkinan perbuatan sabotaj dan aktiviti lain seperti pembakaran mercun di kawasan kejadian.

"Polis telah memproses lokasi kejadian dan mengambil beberapa sampel bahan untuk dianalisis," ujarnya.

Selain itu, katanya, sebanyak 212 individu termasuk mangsa, saksi bebas, wakil agensi berkaitan seperti Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor dan pakar bebas telah dirakam percakapan.

Tambah beliau, hasil siasatan mendapati, pembinaan lot kedai dan penggantian penutup saluran paip dilakukan mengikut garis panduan ditetapkan MBSJ dan Petronas dan berada di zon penampan sejauh 40 meter dari paip gas.

"Kerja penggantian paip dilakukan secara berhati-hati tanpa mengganggu paip sedia ada yang terletak pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan.

"Tiada aktiviti pembinaan dijalankan ketika kejadian berlaku dan tiada bukti sabotaj atau khianat dikesan," kata beliau.

Hussein berkata, tekanan gas yang dicatatkan di Pusat Kawalan Gas Petronas juga berada pada bacaan normal sebelum kejadian dan hanya menunjukkan penurunan drastik sejurus insiden berlaku.

"Berdasarkan siasatan terperinci, pihak polis mendapati tiada sebarang elemen jenayah atau kecuaian yang boleh dikaitkan sebagai punca kebakaran," jelas beliau.

URL : https://www.sinarharian.com.my/article/736339/berita/semasa/tiada-unsur-sabotaj-kecuaian-dalam-kebakaran-paip-gas-ndash-polis

SINAR HARIAN ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

# 【天然气输管起火】雪总警长排除刑事破坏因素　DOSH：土壤环境不稳是肇祸

News Trending

[Natural gas pipeline fire] Selangor Police Chief ruled out criminal damage as a factor DOSH: Unstable soil environment is the cause of the disaster



（莎阿南30日讯）布特拉高原天然气输管爆炸事件调查报告完成，雪州总警长拿督胡申证实没刑事破坏成分。

胡申透露，警方是从两方面角度进行调查，第一是鉴定是否有刑事破坏因素，第二则是否存在人为疏忽因素。




他指出，调查首先针对承包商的施工安全，第二是调查确认是否有人为破坏成分，前后共对212人录取口供。

录取口供对象包括当地灾民、承包商和员工、国油公司员工，以及梳邦再也市政厅（MBSJ）官员等。"




他透露，这起爆炸事故发生在国油公司的保留地，调查过程中证实，承包商施工地段远离天然气输管，属于安全距离对输气管不构成破坏。

他表示，事发前，国油公司没侦测到气压异常，只是发生起火爆炸时才侦测到问题，总结爆炸案不存在刑事成分或人为破坏因素。




胡申今午在雪州议会大厦二楼出席新闻发布会，在宣布布特拉高原天然气输管起火调查报告时作出上述发言。

LUMI NEWS MALAYSIA ONLINE
TARIKH : 01 JULY 2025

# 【天然气输管起火】雪总警长排除刑事破坏因素　DOSH：土壤环境不稳是肇祸

News Trending

## [Natural gas pipeline fire] Selangor Police Chief ruled out criminal damage as a factor DOSH: Unstable soil environment is the cause of the disaster

随后，职业安全与卫生局（DOSH）在宣布调查报告时列出6大结论：




1.天然气输管符合规范，但因循环荷载而失效；

2.土壤环境不稳定是导致事故发生的主要原因；




3.由于局部积水，地下层物理变化导致天然气输管丧失压力承受的能力；

4.人类活动改变了土壤结构；




5.天然气输管的金属摩擦引发火灾；

6.未发现任何破坏或疏忽因素。




要看最快最熱資訊，請來Follow我們《東方日報》WhatsApp Channel.

URL : https://luminews.my/news/3322502

LUMI NEWS MALAYSIA ONLINE
TARIKH : 01 JULY 2025

# 【天然气输管起火】雪总警长排除刑事破坏因素　DOSH：土壤环境不稳是肇祸

2025年6月30日

[Natural gas pipeline fire] Selangor Police Chief ruled out criminal damage as a factor DOSH: Unstable soil environment is the cause of the disaster




（莎阿南30日讯）布特拉高原天然气输管爆炸事件调查报告完成，雪州总警长拿督胡申证实没刑事破坏成分。

胡申透露，警方是从两方面角度进行调查，第一是鉴定是否有刑事破坏因素，第二则是否存在人为疏忽因素。




他指出，调查首先针对承包商的施工安全，第二是调查确认是否有人为破坏成分，前后共对212人录取口供。

"录取口供对象包括当地灾民、承包商和员工、国油公司员工，以及梳邦再也市政厅（MBSJ）官员等。"




他透露，这起爆炸事故发生在国油公司的保留地，调查过程中证实，承包商施工地段远离天然气输管，属于安全距离对输气管不构成破坏。

他表示，事发前，国油公司没侦测到气压异常，只是发生起火爆炸时才侦测到问题，总结爆炸案不存在刑事成分或人为破坏因素。




胡申今午在雪州议会大厦二楼出席新闻发布会，在宣布布特拉高原天然气输管起火调查报告时作出上述发言。

随后，职业安全与卫生局（DOSH）在宣布调查报告时列出6大结论：

LUMI NEWS MALAYSIA ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

# 【天然气输管起火】雪总警长排除刑事破坏因素　DOSH：土壤环境不稳是肇祸

2025年6月30日

[Natural gas pipeline fire] Selangor Police Chief ruled out criminal damage as a factor DOSH: Unstable soil environment is the cause of the disaster

随后，职业安全与卫生局（DOSH）在宣布调查报告时列出6大结论：




1.天然气输管符合规范，但因循环荷载而失效；

2.土壤环境不稳定是导致事故发生的主要原因；




3.由于局部积水，地下层物理变化导致天然气输管丧失压力承受的能力；

4.人类活动改变了土壤结构；




5.天然气输管的金属摩擦引发火灾；

6.未发现任何破坏或疏忽因素。




要看最快最熱資訊，請來Follow我們《東方日報》WhatsApp Channel.

URL : https://news.seehua.com/post/1336684

SEEHUA ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

All About You
BERNAMA TV

type to search



# Putra Heights Blaze: Selangor Police Chief Says No Foul Play As Final Report Made Public













Link :
https://www.nama.com.my/video/tvclip/2025/06/30/20250630_t60_btv-bt-0700pm_1.mp4

**BERNAMA NEWS CHANNEL**
**TARIKH : 01 JULY 2025**

# 【天然气管泄漏大爆炸】雪总警长:无涉刑事因素

16小时前 时政

天然气 布特拉高原 爆炸

# [Natural gas pipeline leak explosion] Snow Chief Police Chief: No criminal factors involved

（八打灵再也30日讯）雪州总警长拿督胡申指出，布特拉高原天然气输送管道爆炸事件的调查证实并无任何证据显示事故涉及人为疏忽或蓄意破坏，爆炸主因并非刑事因素所致。

他说，警方援引刑事法典第435条文（涉及火的恶意破坏）、285条文与286条文（疏忽处理火源或爆炸物）开档调查，并已向212名人士录取口供，包括受害者、梳邦再也市议会官员、加油站员工、承包商与目击者等。

"调查显示，爆炸发生地点附近虽有挖掘工程，但并未直接干扰地下天然气输送管线；此外，国油所提供的管道压力数据显示，事发前的管道运行处于正常状态，并无异常，排除人为干扰可能性。"



他說，此事件在今年4月1日上午8时08分，在蒲种布特拉高原住宅区發生，涉及地下高压天然气主干管（PGU-2），管径达36寸，属API 5LX70工业标准。

"爆炸引发长达7小时的猛烈火灾，波及周边民宅、公共设施，并引起一度电力与燃气供应中断，警方的调查方向聚焦三方面，即是否有施工工程干扰管道？是否涉及人为蓄意破坏？是否存在其他爆炸装置或化学毒物？"

他说，调查结果是爆炸地点附近的下水道施工工程已于3月30日竣工，爆炸发生时工程已完成。

"天然气管线埋设深度为5.6公尺，且距离施工区超过3.5公尺，并无直接接触或影响。"

他也指出，爆炸前管道内部压力维持正常范围，国油未接获任何异常讯号，因此，警方明确排除人为破坏与操作疏忽因素。

他强调，本案虽经深入调查，但在多项技术与刑事层面的分析后，皆未发现任何人为因素与爆炸有直接关联。

"调查结果已纳入整体爆炸事故专案小组报告，并将提交至州级灾难管理委员会以跟进后续安全机制与预防措施的制定。"

URL :
https://www.enanyang.my/news/20250630/Nation/908763

NANYANG ONLINE
TARIKH : 01 JULY 2025

Warta Oriental
Online News Portal





# Letupan paip gas Putra Heights: Tiada unsur kecuaian, sabotaj atau khianat

**Posted By: Warta Admin on: June 30, 2025 In: Nasional**



SHAH ALAM: Tiada sebarang unsur kecuaian, sabotaj atau khianat berhubung insiden letupan saluran paip gas milik Petronas di Putra Heights, Subang Jaya dekat sini pada 1 April lalu.

Menurut Utusan Malaysia, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, dapatan itu diperoleh menerusi siasatan terperinci yang dijalankan.

Katanya, siasatan menyeluruh yang dilakukan bersama pelbagai agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Petronas mendapati, kejadian itu berpunca daripada saluran paip gas bawah tanah.

"Kebakaran berlaku kira-kira pukul 8.06 pagi dan bomba mengambil masa selama tujuh jam untuk memadamkan sepenuhnya kebakaran itu.

"Siasatan polis melibatkan dua aspek utama iaitu unsur khianat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan manakala kecuaian di bawah Seksyen 285 dan 286 kanun sama," katanya ketika membentangkan laporan siasatan di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini, hari ini.

Hussien berkata, siasatan turut memfokuskan beberapa faktor lain antaranya kerja pembinaan deretan lot kedai dan penggantian paip oleh kontraktor.

"Hasil siasatan mendapati dua pelaksanaan kerja itu dilakukan mengikut garis panduan ditetapkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan berada di zon penampan sejauh 40 meter dari paip gas.

"Kerja penggantian paip juga dilakukan secara berhati-hati tanpa mengganggu paip sedia ada pada kedalaman 5.6 meter," katanya.

Beliau berkata, tekanan gas yang dicatatkan di Pusat Kawalan Gas Petronas berada pada bacaan normal dan hanya menunjukkan penurunan drastik sejurus insiden itu.

"Selain itu, tiada aktiviti pembinaan dijalankan ketika kejadian dan kali terakhir pada 30 Mac lalu.

"Berdasarkan siasatan terperinci, polis mendapati tiada sebarang elemen kecuaian, sabotaj atau khianat yang boleh dikaitkan sebagai punca kebakaran," katanya.

Hussein berkata, seramai 212 individu termasuk mangsa, saksi bebas, wakil agensi berkaitan seperti Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor dan pakar bebas telah direkodkan keterangan bagi membantu siasatan.

Letupan pada 1 April lalu mengakibatkan 81 rumah musnah sepenuhnya dengan kerosakan struktur melebihi 40 peratus, 81 separa musnah dan 57 terkesan tetapi tidak terbakar.

Sebanyak 218 rumah lagi tidak terjejas termasuk melibatkan Kampung Tengah, Puchong.

*Letupan paip gas Putra Heights: Tiada unsur kecuaian, sabotaj atau khianat*

URL : https://wartaoriental.com/2025/06/30/letupan-paip-gas-putra-heights-tiada-unsur-kecuaian-sabotaj-atau-khianat/

WARTA ORIENTAL ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

Selasa, 01 Julai 2025 11:49 am

BERITA RTM

Cari... Cari

# Kebakaran paip gas Putra Heights : Tiada unsur khianat, kecuaian

Nasional - Dicipta: 30 Jun 2025 10:00 PM



*Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan - Foto Facebook Polis Selangor*

***SHAH ALAM, 30 Jun*** - Pihak polis mengesahkan tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian yang dikenal pasti sebagai punca insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mendedahkan perkara itu berdasarkan laporan penuh siasatan teknikal yang dikemukakan kepada kerajaan negeri Selangor hari ini.

Jelas Datuk Hussein, siasatan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mendapati kerja pembinaan di lokasi mematuhi garis panduan, manakala tekanan gas sebelum kejadian berada pada paras normal.

"Polis menjalankan siasatan dengan memproses tempat kejadian, mengambil sampel, merakam percakapan seramai 212 saksi merangkumi mangsa, pihak Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor, saksi bebas dan lain-lain.

Hasil siasatan (turut dibuat) daripada pembinaan lot kedai di kawasan kejadian mengikut garis panduan dan tiada kerja pembinaan terkesan dan aktiviti kerja (penggantian paip pembetung) berakhir 30 Mac lalu," katanya pada sidang media Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di sini, hari ini.

Tambahnya, kerja pengorekan tanah yg dijalankan kontraktor tidak menyebabkan gangguan secara langsung kerana keadaan paip berada pada kedalaman 5.66 meter dan 3.6 meter.

Malah, bacaan petunjuk juga menunjukkan tekanan gas adalah normal dan hanya menurun mendadak pada hari kejadian seterusnya mengetepikan kemungkinan tekanan boleh mencetuskan letupan sehingga merosakkan paip gas.

URL : https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kebakaran-paip-gas-putra-heights-tiada-unsur-khianat,-kecuaian

BERITA RTM

TARIKH : 01 JULY 2025

PORTAL
barangmurah.my
IKLAN




BERITA
CALON TIMBALAN PRESIDEN: KENA TENGOK 'ANAK BULAN' JUGA – MOHD AMAR



# LETUPAN PUTRA HEIGHTS: TIADA UNSUR KHIANAT, KECUAIAN MANUSIA – KP SELANGOR


Mukhriz Ha

Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam insiden di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lepas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata rumusan itu diperoleh hasil siasatan teknikal yang dilakukan susulan insiden letupan saluran paip gas bawah tanah berkenaan.

Beliau berkata pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

"Pembinaan itu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter dari paip gas Petronas," katanya dalam sidang media laporan siasatan insiden letupan itu di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Shah Alam hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari serta Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Husdin Che Amat.

URL : https://barangmurah.my/berita/letupan-putra-heights-tiada-unsur-khianat-kecuaian-manusia-kp-selangor/



Sementara itu, Hussein berkata kerja-kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan kepada paip Petronas secara langsung.

"Paip gas Petronas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan terletak 3.5 meter dari paip kumbahan," katanya.

Selain itu, beliau berkata tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian dengan kerja-kerja penggantian paip kumbahan telah berakhir pada 30 Mac 2025.

Mengulas lanjut, Hussein berkata tiada sebarang petunjuk dari segi bacaan tekanan oleh Pusat Kawalan Gas Petronas (PGCC) sebelum kejadian berlaku .

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian, bacaan tekanan gas turun dengan mendadak," katanya sambil menambah tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan insiden.

Hussein berkata siasatan pihak polis meliputi dua aspek iaitu perbuatan khianat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan serta kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 kanun yang sama.

Beliau berkata tumpuan siasatan diberikan kepada kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan termasuk pembinaan lot-lot kedai dan penggantian paip pembentungan.

"Selain itu, tumpuan siasatan meliputi sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak serta lain-lain (aspek) seperti bom, pembakaran mercun dan sebagainya," katanya.

Hussein berkata sepanjang siasatan berkenaan, pihak polis telah merakam keterangan 212 saksi berkaitan termasuk mangsa, saksi agensi luar antaranya Petronas dan MBSJ, pemaju serta kontraktor dan pakar-pakar bebas.

Kebakaran saluran gas Petronas di Putra Heights pada 8.10 pagi, 1 April menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk padam sepenuhnya, selain menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter di lokasi kejadian.

**PORTAL BARANGMURAH.MY**

**TARIKH : 01 JULY 2025**




# Letupan Putra Heights: Tiada unsur khianat, kecuaian manusia

Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam insiden di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lepas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata rumusan itu diperoleh hasil siasatan teknikal yang dilakukan susulan insiden letupan saluran paip gas bawah tanah berkenaan.

Beliau berkata pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

"Pembinaan itu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter dari paip gas Petronas," katanya dalam sidang media laporan siasatan insiden letupan itu di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Shah Alam hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari serta Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Husdin Che Amat.



Sementara itu, Hussein berkata kerja-kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan kepada paip Petronas secara langsung.

"Paip gas Petronas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan terletak 3.5 meter dari paip kumbahan," katanya.

Selain itu, beliau berkata tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian dengan kerja-kerja penggantian paip kumbahan telah berakhir pada 30 Mac 2025.

Mengulas lanjut, Hussein berkata tiada sebarang petunjuk dari segi bacaan tekanan oleh Pusat Kawalan Gas Petronas (PGCC) sebelum kejadian berlaku .

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian, bacaan tekanan gas turun dengan mendadak," katanya sambil menambah tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan insiden.

Hussein berkata siasatan pihak polis meliputi dua aspek iaitu perbuatan khianat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan serta kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 kanun yang sama.




# Letupan Putra Heights: Tiada unsur khianat, kecuaian manusia

Beliau berkata tumpuan siasatan diberikan kepada kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan termasuk pembinaan lot-lot kedai dan penggantian paip pembentungan.

"Selain itu, tumpuan siasatan meliputi sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak serta lain-lain (aspek) seperti bom, pembakaran mercun dan sebagainya," katanya.

Hussein berkata sepanjang siasatan berkenaan, pihak polis telah merakam keterangan 212 saksi berkaitan termasuk mangsa, saksi agensi luar antaranya Petronas dan MBSJ, pemaju serta kontraktor dan pakar-pakar bebas.

Kebakaran saluran gas Petronas di Putra Heights pada 8.10 pagi, 1 April menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk padam sepenuhnya, selain menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter di lokasi kejadian.

*- Bernama*

URL : https://www.malaysiakini.com/news/747650

MALAYSIAKINI ONLINE

TARIKH : 01 JULY 2025

# Putra Heights Incident: No Element Of Mischief, Sabotage, Negligence Found - S'gor Police Chief

30/06/2025 06:43 PM




SHAH ALAM, June 30 (Bernama) --There is no element of mischief, sabotage or negligence identified that could cause damage to the gas pipeline and spark the explosion in Putra Heights, Subang Jaya on April 1.

Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan said the conclusion was based on the results of the technical investigation conducted after the explosion of the underground gas pipeline.

The construction of the office shoplots and replacement of the sewerage pipe in the blast area were in accordance with the guidelines set by the Subang Jaya City Council (MBSJ), the Environment Department and Petronas.

"The construction was in the buffer zone and 40 metres from the Petronas gas pipeline," he said at a media conference about the explosion investigation report at Wisma Dewan Annexx at the Selangor state secretary building here today.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Petroleum Safety Director Husdin Che Amat were also present at the media conference.

-- BERNAMA

URL :
https://bernama.com/en/general/news.php?id=2439740

BERNAMA.COM ONLINE
TARIKH : 01 JULAI 2025

# Putra Heights Blaze: Selangor Police Chief Says No Foul Play As Final Report Made Public













Link :
https://www.nama.com.my/video/tvclip/2025/06/30/20250630_t60_btv-0630pm_1.mp4

**BERNAMA NEWS CHANNEL ONLINE**

**TARIKH : 01 JULAI 2025**

Local

# What blew the pipeline? Not people, say police

Harith Kamal

2025-06-30 06:47 PM



*The situation following the gas pipeline fire, during the media visit to the incident site on Jalan Putra Harmoni, Putra Heights. Photo by BERNAMA*

**SHAH ALAM**: The April 1 gas pipeline explosion in Putra Heights was not caused by sabotage or negligence, Selangor Police Chief Datuk Hussein Omar Khan confirmed today.

A joint investigation by police and the Department of Occupational Safety and Health (Dosh) ruled out foul play after interviewing 212 individuals — including victims, Petronas reps, council officials, contractors, and witnesses.

"Our focus included nearby construction work and even the possibility of bombs or fireworks, but no criminal or negligent act was found," Hussein said.

Key findings include:

- The pipeline and shoplot structures met Subang Jaya City Council and Petronas standards, including a 40-metre buffer zone;

- Sewer excavation did not impact the pipe, which was buried 5.6m deep and 3.5m away;

*There was no construction activity or sign of sabotage at the time of the explosion. Sewer works had ended on March 30; and

- No abnormal gas readings were recorded prior to the blast—levels only dropped suddenly when the explosion occurred.

Police explored sabotage and negligence under Sections 285 and 286 of the Penal Code but found no basis to proceed.

Dosh petroleum safety division director Husdin Che Amat said technical analysis pointed to long-term ground pressure, unstable soil and material fatigue at a welded joint as the likely cause.

Tests showed stress lines and a 15.9cm displacement at the joint, with metallurgical analysis confirming prolonged external strain. Poor drainage and groundwater buildup worsened the damage.

The Fire and Rescue Department concluded that friction during the rupture likely ignited the gas.

The blast sparked a massive fire visible for kilometres, destroying 81 homes, damaging 138 more, and affecting another 57 without fire damage. A total of 218 homes, including in Kampung Tengah, Puchong, were unaffected.

URL : https://thesun.my/malaysia-news/what-blew-the-pipeline-not-people-say-police-MO14380408

THE SUN ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

中國報 CHINAPRESS
搜索新闻 登入
抢鲜 最热 会员 社会 地方 国内 政治 国际 财经 女商圈 娱乐 市场脉搏 食玩咖 更多 音频新闻 爆点TV
快讯
主页 > 国内 > 时事
170 次转发

# 天然气输送管爆炸｜警方：气爆不涉及人为疏忽 或蓄意破坏｜附音频

16小时前 4738点阅
责任编辑：前线小编

## Natural gas pipeline explosion | Police: The explosion did not involve human negligence or deliberate sabotage

（莎阿南30日讯）警方调查报告证实，目前没有证据显示，布特拉高原天然气输送管爆炸的肇事原因涉及人为疏忽或蓄意破坏！

雪州总警长拿督胡仙指出，警方援引刑事法典435条文（涉嫌使用火进行恶意破坏）、285条文和286条文（疏忽处理爆炸物）展开调查。

他说，警方至今共向212人录取口供，其中包括受害者、梳邦再也市政厅官员、石马油油站员工、承包商及目击者等。

"马石油公司的天然气输送管道距路面约5.6公尺深，距离污水管道约3.5公尺；事故发生时，现场无施工活动或破坏事件，且污水管道更换工程已于今年3月30日完工。"

他说，事故发生前，管道内气压指数正常，但事故发生时，气压突然下降，且现场未发现任何爆炸残留物。

胡仙强调，警方调查显示，爆炸案没有涉及人为疏忽或蓄意破坏。

URL : https://www.chinapress.com.my/20250630/%e5%a4%a9%e7%84%b6%e6%b0%94%e8%be%93%e9%80%81%e7%ae%a1%e7%88%86%e7%82%b8%ef%bd%9c%e8%ad%a6%e6%96%b9%ef%bc%9a%e6%b0%94%e7%88%86%e4%b8%8d%e6%b6%89%e5%8f%8a%e4%ba%ba%e4%b8%ba%e7%96%8f%e5%bf%bd-%e6%88%96/

CHINA PRESS ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

# Tiada Unsur Sabotaj, Perbuatan Khianat Atau Kecuaian Dikenal PastiDate : 30 Jun 2025













Link :
https://www.nama.com.my/video/tvclip/2025/06/30/20250630_t60_tv2-0730pm_10.mp4

**RTM2 ONLINE**

**TARIKH : 01 JULAI 2025**

# Insiden Putra Heights: Tiada unsur khianat, kecuaian dikenal pasti – KP Selangor

Oleh **Bernama** - June 30, 2025



*Kejadian kebakaran saluran paip utama gas bawah tanah Petronas berhampiran Putra Heights.*

TIADA sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam insiden di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lepas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata rumusan itu diperoleh hasil siasatan teknikal yang dilakukan susulan insiden letupan saluran paip gas bawah tanah berkenaan.

Beliau berkata pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

"Pembinaan itu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter dari paip gas Petronas," katanya dalam sidang media laporan siasatan insiden letupan itu di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Shah Alam hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari serta Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Husdin Che Amat. –Bernama

URL : https://utusantv.com/2025/06/30/insiden-putra-heights-tiada-unsur-khianat-kecuaian-dikenal-pasti-kp-selangor/

**UTUSAN TV ONLINE**

**TARIKH : 01 JULAI 2025**

THE MALAYSIA PRESS
Informasi Berfakta Membuka Minda

Ads
Leading The Way
Get Quickly

# Letupan paip gas Putra Heights: Tiada sabotaj, kecuaian

Johari Osman • Nasional • June 30, 2025 • 0 Comments




HASIL siasatan menyeluruh mendapati tiada unsur sabotaj, perbuatan khianat atau kecuaian sebagai punca kejadian letupan paip gas bawah tanah milik Petronas di Putra Heights, Subang Jaya, pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan menyeluruh dilakukan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Petronas serta pelbagai agensi, dengan mengambil kira semua sudut kemungkinan.

"Siasatan merangkumi dua aspek utama iaitu perbuatan khianat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan dan unsur kecuaian di bawah Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan, namun tiada bukti menunjukkan elemen terbabit menjadi punca letupan.

"Tumpuan turut diberi terhadap kerja pembinaan lot kedai, penggantian paip pembetung, serta kemungkinan letupan bom atau pembakaran bahan lain.

"Bagaimanapun, semua itu dikenal pasti tidak menjadi penyebab kejadian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Laporan Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor di Shah Alam, hari ini.

URL : https://themalaysiapress.com/letupan-paip-gas-putra-heights-tiada-sabotaj-kecuaian/

Themalaysiapress.com ONLINE
TARIKH : 01 JULAI 2025

AM

# INSIDEN PUTRA HEIGHTS: TIADA UNSUR KHIANAT, KECUAIAN DIKENAL PASTI - KP SELANGOR

30/06/2025 08:11 PM




Keadaan semasa di kawasan kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights.

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam insiden di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lepas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata rumusan itu diperoleh hasil siasatan teknikal yang dilakukan susulan insiden letupan saluran paip gas bawah tanah berkenaan.

Beliau berkata pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

"Pembinaan itu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter dari paip gas Petronas," katanya dalam sidang media laporan siasatan insiden letupan itu di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari serta Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Husdin Che Amat.

-- BERNAMA

URL : https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2439752

BERNAMA RADIO ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

National

# Siasatan Selesai, Letupan Paip Gas Di Putra Heights Tiada Unsur Khianat Atau Kecuaian | Trending – Oh! Media

June 30, 2025 6:13 pm




Polis sahkan letupan paip gas di Putra Heights tiada unsur khianat atau kecuaian selepas siasatan lengkap dijalankan.

Terkini! Siasatan terperinci kes letupan saluran paip gas di Putra Height mendapati tiada unsur khianat atau kecuaian.

Memetik laporan Harian Metro, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan dilakukan secara menyeluruh termasuk memproses lokasi kejadian, mengambil sampel serta merakam percakapan lebih 200 saksi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

## Siasatan rapi libatkan 212 saksi




Menurut Datuk Hussein, siasatan dijalankan mengikut beberapa seksyen di bawah Kanun Keseksaan termasuk Seksyen 435 (khianat), Seksyen 285 (kecuaian) dan Seksyen 286.

Antara pihak yang dirakam percakapan termasuklah mangsa, wakil Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor serta saksi bebas.

> *Hasil siasatan pembinaan lot kedai di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan dan tiada kerja pembinaan terkesan dan aktiviti kerja berakhir 30 Mac lalu.*

Beliau turut menjelaskan bahawa bacaan tekanan gas adalah normal sebelum kejadian dan hanya menurun mendadak pada hari letupan berlaku.

*Psstt!* Walaupun kejadian ini menimbulkan kebimbangan ramai, sekurang-kurangnya siasatan terperinci telah memberikan kejelasan.

**Kredit:** Harian Metro

URL : https://www.malay.news/siasatan-selesai-letupan-paip-gas-di-putra-heights-tiada-unsur-khianat-atau-kecuaian-trending-oh-media/

**MALAY.NEWS ONLINE**

**TARIKH : 01 JULAI 2025**

Satu Platfom, Semua Berita.
Rasai Pengalaman Baharu dengan Arah.
arah



TERKINI

# Letupan Putra Heights: Tiada unsur khianat, sabotaj

Oleh SITI AISYAH SUKAIMI dan MOHD YUNUS YAKKUB 30 Jun 2025, 5:14 pm



SHAH ALAM – Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian yang dikenal pasti boleh menyebabkan kerosakan paip gas sehingga mencetuskan letupan dalam insiden yang berlaku di Putra Heights pada 1 April lalu.

Perkara itu disahkan oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Hussien Omar Khan berkata, hasil siasatan mendapati pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung mengikut garis panduan ditetapkn Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar serta Petronas.

"Kerja korekan tanah paip tidak menyebabkan gangguan paip Petronas secara langsung kerana keadaan paip gas Petronas berada di kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan jarak paip Petronas adalah pada kedalaman 3.5 meter dari paip kumbahan.

"Selain itu tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan sewaktu kejadian berlaku dan tidak terkesan sebarang aktiviti sabotaj dan khianat. Kerja penggantian kumbahan telah berakhir 30 Mac 2025," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata, sebelum kejadian, tiada sebarang penunjuk dari segi bacaan tekanan oleh pusat kawalan, manakala bacaan tekanan gas dalam paip adalah normal serta hanya menurun mendadak ketika kejadian berlaku.

Hussein berkata, polis menjalankan siasatan terperinci melibatkan dua aspek iaitu di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu melakukan khianat api atau bahan letupan yang boleh menyebabkan kerosakan.

Katanya, siasatan turut dijalankan dari aspek kecuaian iaitu Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan iaitu kelakuan cuai berkenaan bahan api dan bahan letupan yang menyebabkan cedera atau bencana atau benda mudah terbakar yang boleh menyebabkan cedera atau bencana kepada harta benda.

"Tumpuan siasatan diberikan kepada pertama, kerja-kerja pihak kontraktor kawasan letupan termasuk binaan deretan lot kedai dan penggantian paip pembentung.

"Kedua, sebarang aktiviti khianat dan sabotaj mana-mana pihak. Seterusnya, lain-lain aktiviti iaitu sebarang letupan bom atau mercun sebagainya," katanya.

Katanya, polis mengambil bukti sampel tertentu serta merakam 212 saksi termasuk mangsa, pihak Petronas, MBSJ, pemaju kontraktor, saksi bebas termasuk saksi di media sosial dan pakar bebas. – KOSMO! ONLINE

KOSMO ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

URL : https://www.kosmo.com.my/2025/06/30/letupan-putra-heights-tiada-unsur-khianat-sabotaj/

# INSIDEN PUTRA HEIGHTS: TIADA UNSUR KHIANAT, KECUAIAN DIKENAL PASTI – KP SELANGOR

Posted on 30 June 2025 | by BERNAMA | Leave a comment




SHAH ALAM: Tiada sebarang unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti sehingga boleh menyebabkan kerosakan kepada paip gas dan mencetuskan letupan dalam insiden di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lepas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata rumusan itu diperoleh hasil siasatan teknikal yang dilakukan susulan insiden letupan saluran paip gas bawah tanah berkenaan.

Beliau berkata pembinaan lot kedai pejabat dan penggantian paip pembentung di kawasan kejadian adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Petronas.

> "Pembinaan itu berada di zon penampan dengan jarak 40 meter dari paip gas Petronas," katanya dalam sidang media laporan siasatan insiden letupan itu di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari serta Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Husdin Che Amat.

Sementara itu, Hussein berkata kerja-kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan kepada paip Petronas secara langsung.

> "Paip gas Petronas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan terletak 3.5 meter dari paip kumbahan," katanya.

Selain itu, beliau berkata tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian dengan kerja-kerja penggantian paip kumbahan telah berakhir pada 30 Mac 2025.

Mengulas lanjut, Hussein berkata tiada sebarang petunjuk dari segi bacaan tekanan oleh Pusat Kawalan Gas Petronas (PGCC) sebelum kejadian berlaku .

> "Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian, bacaan tekanan gas turun dengan mendadak," katanya sambil menambah tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan insiden.

Hussein berkata siasatan pihak polis meliputi dua aspek iaitu perbuatan khianat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan serta kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 kanun yang sama.

Beliau berkata tumpuan siasatan diberikan kepada kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan termasuk pembinaan lot-lot kedai dan penggantian paip pembentungan.

> "Selain itu, tumpuan siasatan meliputi sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak serta lain-lain (aspek) seperti bom, pembakaran mercun dan sebagainya," katanya.

Hussein berkata sepanjang siasatan berkenaan, pihak polis telah merakam keterangan 212 saksi berkaitan termasuk mangsa, saksi agensi luar antaranya Petronas dan MBSJ, pemaju serta kontraktor dan pakar-pakar bebas.

Kebakaran saluran gas Petronas di Putra Heights pada 8.10 pagi, 1 April menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk padam sepenuhnya, selain menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter di lokasi kejadian. —AlHijrah Online

URL : https://alhijrahnews.com/insiden-putra-heights-tiada-unsur-khianat-kecuaian-dikenal-pasti-kp-selangor/

AL-HIJRAH ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

DAPATKAN LAPORAN
RANCANGAN SELANGOR PERTAMA

HEADERAD SELANGOR

# 【天然气管调查报告】无疏忽或人为破坏　警方：排除刑事成分

June 30, 2025 7:26 pm

[Natural Gas Pipeline Investigation Report] No negligence or sabotage Police: No criminal elements



雪兰莪警方于2025年4月30日，率领媒体重返布特拉高原天然气管爆炸事故的事发现场。（摄影：MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/MEDIASELANGOR）

（莎阿南30日讯）经过近3个月的调查，雪兰莪州警方证实，布特拉高原天然气管爆炸事故中，并未发现有蓄意破坏、疏忽或人为因素导致灾难发生的证据。

雪兰莪州总警长拿督胡申奥马今日在雪州政府大厦出席事故技术调查报告记者会时表示，警方共录取了212人的口供，涉及灾民、国家石油（Petronas）代表、发展商、承包商、专家、社交媒体目击者，以及梳邦再也市政厅（MBSJ）官员。



*雪州总警长拿督胡申奥马于2025年6月30日在雪州政府大厦出席布特拉高原天然气管爆炸事故调查报告记者会。（摄影：NUR ADIBAH AHMAD IZAM/MEDIASELANGOR）*

他说，警方原因刑事法典第435条文（纵火毁坏财物）、第285条文（处理火源或易燃物品不当）及第286条文（处理爆炸物不当）展开调查，并从以下三大方向进行：

- 承包商的施工活动，包括店铺建设及排污管更换工程；
- 是否存在蓄意破坏行为；
- 是否有其他因素引发爆炸，如炸弹或鞭炮等。

胡申奥马指出，调查结果显示，事发地点的办公单位建设与排污管更换工程，均符合梳邦再也市政厅、地方政府、环境局（JAS）以及国油所设定的相关指南，施工范围位于距离天然气管道40米的缓冲区之内。

他指出，更换排污管所进行的挖土工程并未影响到国油的天然气管道。涉事的天然气管道埋设于地面以下5.6米处，与排污管的距离为3.5米。

"该挖土工程已于3月30日完成，期间未发现任何蓄意破坏的迹象。事发前，气管压力处于正常水平。"

URL : https://selangorkini.my/zh-hans/2025/06/%e3%80%90%e5%a4%a9%e7%84%b6%e6%b0%94%e7%ae%a1%e8%b0%83%e6%9f%a5%e6%8a%a5%e5%91%8a%e3%80%91%e6%97%a0%e7%96%8f%e5%bf%bd%e6%88%96%e4%ba%ba%e4%b8%ba%e7%a0%b4%e5%9d%8f%e3%80%80%e8%ad%a6%e6%96%b9%ef%bc%9a/

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH : 01 JULAI 2025

Utusan Borneo Online

Advertisement



# Letupan Putra Heights: Paip gas penuhi spesifikasi teknikal, tanah tidak stabil punca insiden




SHAH ALAM: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mengesahkan paip gas yang terlibat dalam insiden letupan di Putra Heights, Subang Jaya memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum JKKP Husdin Che Amat berkata sebaliknya hasil analisis makmal mendapati keadaan bahagian bawah paip yang tidak disokong sepenuhnya oleh tanah, dikenal pasti telah lembut dan lembap seterusnya memberi tekanan kepada permukaan paip.

Beliau berkata keadaan tanah yang lemah menyebabkan paip bergerak berulang kali sehingga menimbulkan tekanan berulang dan garis keletihan pada permukaan paip.

"Ini mengakibatkan kegagalan fizikal pada bahagian paip di lokasi kejadian, menyebabkan kebocoran gas yang kemudiannya terbakar.

"Analisis metalografi turut menunjukkan lebihan tegangan menjadi punca utama kegagalan dan kerosakan ini berkembang secara perlahan sehingga menyebabkan kegagalan ductile yang melepaskan gas dan mencetuskan kebakaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas pembentangan laporan siasatan letupan paip gas Putra Heights yang turut dihadiri Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan di sini hari ini.

Sementara itu, Hussein berkata kerja-kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan kepada paip Petronas secara langsung.

"Paip gas Petronas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan terletak 3.5 meter dari paip kumbahan," katanya.

Selain itu, beliau berkata tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian dengan kerja-kerja penggantian paip kumbahan telah berakhir pada 30 Mac 2025.

Mengulas lanjut, Hussein berkata tiada sebarang petunjuk dari segi bacaan tekanan oleh Pusat Kawalan Gas Petronas (PGCC) sebelum kejadian berlaku .

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian, bacaan tekanan gas turun dengan mendadak," katanya sambil menambah tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan insiden.

Hussein berkata siasatan pihak polis meliputi dua aspek iaitu perbuatan khianat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan serta kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 kanun yang sama.

Beliau berkata tumpuan siasatan diberikan kepada kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan termasuk pembinaan lot-lot kedai dan penggantian paip pembentungan.

"Selain itu, tumpuan siasatan meliputi sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak serta lain-lain (aspek) seperti bom, pembakaran mercun dan sebagainya," katanya.

Hussein berkata sepanjang siasatan berkenaan, pihak polis telah merakam keterangan 212 saksi berkaitan termasuk mangsa, saksi agensi luar antaranya Petronas dan MBSJ, pemaju serta kontraktor dan pakar-pakar bebas.

Kebakaran saluran gas Petronas di Putra Heights pada 8.10 pagi, 1 April menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk padam sepenuhnya, selain menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter di lokasi kejadian.

oleh BERNAMA

URL :
https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/30/letupan-putra-heights-paip-gas-penuhi-spesifikasi-teknikal-tanah-tidak-stabil-punca

**UTUSAN BORNEO ONLINE**

**TARIKH : 01 JULAI 2025**

# Letupan Putra Heights: Paip gas penuhi spesifikasi teknikal, tanah tidak stabil punca insiden – JKKP

By Bernama #bm, Malaysia June 30, 2025 8:04 PM




*Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Husdin Che Amat ketika sidang media Laporan Siasatan Punca Kejadian Kebocoran dan Kebakaran Talian Paip Gas di Putra Height, Subang Jaya 1 April lalu di Bangunan Sebausaha Kerajaan Negeri Selangor hari ini. Foto Bernama*

SHAH ALAM, 30 Jun: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mengesahkan paip gas yang terlibat dalam insiden letupan di Putra Heights, Subang Jaya memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum JKKP Husdin Che Amat berkata sebaliknya hasil analisis makmal mendapati keadaan bahagian bawah paip yang tidak disokong sepenuhnya oleh tanah, dikenal pasti telah lembut dan lembap seterusnya memberi tekanan kepada permukaan paip.

Beliau berkata keadaan tanah yang lemah menyebabkan paip bergerak berulang kali sehingga menimbulkan tekanan berulang dan garis keletihan pada permukaan paip.

"Ini mengakibatkan kegagalan fizikal pada bahagian paip di lokasi kejadian, menyebabkan kebocoran gas yang kemudiannya terbakar.

"Analisis metalografi turut menunjukkan lebihan tegangan menjadi punca utama kegagalan dan kerosakan ini berkembang secara perlahan sehingga menyebabkan kegagalan *ductile* yang melepaskan gas dan mencetuskan kebakaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas pembentangan laporan siasatan letupan paip gas Putra Heights yang turut dihadiri Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan di sini hari ini.

Sementara itu, Hussein berkata kerja-kerja pengorekan tanah untuk penggantian paip kumbahan yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengakibatkan gangguan kepada paip Petronas secara langsung.

"Paip gas Petronas berada pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan dan terletak 3.5 meter dari paip kumbahan," katanya.

Selain itu, beliau berkata tiada sebarang kerja pembinaan dijalankan semasa kejadian dengan kerja-kerja penggantian paip kumbahan telah berakhir pada 30 Mac 2025.

Mengulas lanjut, Hussein berkata tiada sebarang petunjuk dari segi bacaan tekanan oleh Pusat Kawalan Gas Petronas (PGCC) sebelum kejadian berlaku .

"Bacaan tekanan gas di dalam paip adalah normal dan semasa kejadian, bacaan tekanan gas turun dengan mendadak," katanya sambil menambah tiada sebarang sisa bahan letupan dijumpai di kawasan insiden.

Hussein berkata siasatan pihak polis meliputi dua aspek iaitu perbuatan khianat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan serta kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 kanun yang sama.

Beliau berkata tumpuan siasatan diberikan kepada kerja-kerja pihak kontraktor di kawasan letupan termasuk pembinaan lot-lot kedai dan penggantian paip pembentungan.

"Selain itu, tumpuan siasatan meliputi sebarang aktiviti khianat atau sabotaj oleh mana-mana pihak serta lain-lain (aspek) seperti bom, pembakaran mercun dan sebagainya," katanya.

Hussein berkata sepanjang siasatan berkenaan, pihak polis telah merakam keterangan 212 saksi berkaitan termasuk mangsa, saksi agensi luar antaranya Petronas dan MBSJ, pemaju serta kontraktor dan pakar-pakar bebas.

Kebakaran saluran gas Petronas di Putra Heights pada 8.10 pagi, 1 April menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk padam sepenuhnya, selain menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter di lokasi kejadian. – TVS

URL : https://www.tvsarawak.my/2025/06/30/letupan-putra-heights-paip-gas-penuhi-spesifikasi-teknikal-tanah-tidak-stabil-punca-insiden-jkkp/

TVS ONLINE

TARIKH : 01 JULAI 2025

时事

# 【Putra Heights天燃气管爆炸案】警方调查结果出炉，排除蓄意破坏和人为疏忽！

By 低调小俐 Published 7 seconds ago



照片来源: Malay Mail & New Straits Times

2025年4月1日，雪州Putra Heights发生了一起天然气输送管爆炸案，爆炸中心的温度一度飙升至1000℃以上，导致附近的住宅区出现灼人热浪，多间房屋和车辆因高温而自燃。

事故造成严重损毁，87间建筑物和超过225辆轿车被烧毁，逾300居民被迫撤离到临时疏散中心，至少145人受伤送院。



照片来源 New Straits Times

根据《星洲日报》报道，经过逾2个月的调查，调查报告终于出炉，警方确认，事故并非因蓄意破坏或施工疏忽所致。

2025年6月30日，雪兰莪总警长Datuk Hussein Omar Khan在雪州政府大厦召开的Putra Heights气爆案调查报告联合新闻发布会指出，警方调查结果表明，此案的发生无关乎人为疏忽或蓄意破坏。



照片来源 Malay Mail

调查期间，警方援引刑事法典第435条（蓄意纵火）、第285条（轻率处理火源）及第286条（轻率处理爆炸品）展开调查，期间共传召212名相关人士和单位录供，包括灾民、梳邦再也市政厅（MBSJ）、国家石油公司（PETRONAS）、承包商及目击者等。

他说，调查从三个层面着手：

1. 是否涉及承包商施工（包括店屋建设和管道更换工程）

2. 是否存有蓄意破坏行为

3. 是否存在其他因素导致爆炸发生（例如爆炸装置或纵火行为）

[Putra Heights natural gas pipeline explosion case] Police investigation results are out, ruling out deliberate sabotage and human negligence!



照片来源 New Straits Times

调查发现，事发地点附近确实有店屋建设和管道更换工程，但所有工程已于事发前两天，即3月30日完工，且符合所有单位的标准作业程序，并与天然气管道保持最少40m的安全距离，而爆炸的天燃气管的位置深5.6m，与更换管道工程相隔约3.5m。

他补充，国油天然气控制中心的数据在事发前也一切正常，直到气爆发生后输送管内的压力才突然骤降。

他说，调查报告已呈交雪州灾难管理委员会，至于是否追责或采取法律行动，将由州委员会决定。



照片来源 Malay Mail

你对此事又有什么看法呢？来说说看吧！

URL : https://noodou.com/%e3%80%90putra-heights%e5%a4%a9%e7%87%83%e6%b0%94%e7%ae%a1%e7%88%86%e7%82%b8%e6%a1%88%e3%80%91%e8%ad%a6%e6%96%b9%e8%b0%83%e6%9f%a5%e7%bb%93%e6%9e%9c%e5%87%ba%e7%82%89%ef%bc%8c%e6%8e%92%e9%99%a4/

NOODOU.COM ONLINE
TARIKH : 01 JULAI 2025

# 【天然气输管起火】雪总警长排除刑事破坏因素 DOSH：土壤环境不稳是肇祸

96 次转发 95 1

[Natural gas pipeline fire] Selangor Police Chief ruled out criminal damage as a factor DOSH: Unstable soil environment is the cause of the disaster

（莎阿南30日讯）布特拉高原天然气输管爆炸事件调查报告完成，雪州总警长拿督胡申证实没刑事破坏成分。

胡申透露，警方是从两方面角度进行调查，第一是鉴定是否有刑事破坏因素，第二则是否存在人为疏忽因素。



他指出，调查首先针对承包商的施工安全，第二是调查确认是否有人为破坏成分，前后共对212人录取口供。



胡申今午在雪州议会大厦二楼出席新闻发布会，在宣布布特拉高原天然气输管起火调查报告时作出上述发言。

"录取口供对象包括当地灾民、承包商和员工、国油公司员工，以及梳邦再也市政厅（MBSJ）官员等。"




他透露，这起爆炸事故发生在国油公司的保留地，调查过程中证实，承包商施工地段远离天然气输管，属于安全距离对输气管不构成破坏。

他表示，事发前，国油公司没侦测到气压异常，只是发生起火爆炸时才侦测到问题，总结爆炸案不存在刑事成分或人为破坏因素。

URL : https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2025/06/30/743716

Oriental Daily Online

TARIKH : 01 JULAI 2025

KOSMO!



arah
Satu Platfom, Semua Berita.
Rasai Pengalaman Baharu dengan Arah.





**IMBAS semula. Beginilah keadaan sebahagian rumah penduduk yang rosak teruk selepas terkena letupan paip gas di Putra Heights April lalu.**

# Tiada unsur sabotaj

- **Laporan letupan paip Putra Heights diumum**
- **Kerja korek tanah tidak ganggu paip**

**Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB dan SITI AISYAH SUKAIMI**

**SHAH ALAM** – Insiden kebakaran paip gas sehingga mengakibatkan letupan di Putra Heights dekat sini tidak melibatkan sebarang unsur khianat dan kecuaian.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, rumusan itu diperoleh hasil siasatan dilakukan pihaknya terhadap insiden yang berlaku pada 1 April lalu.

Katanya, tumpuan siasatan merangkumi kerja-kerja kontraktor di kawasan letupan dan deretan lot kedai, penggantian paip, pembentung dan khianat selain pembakaran mercun daripada mana-mana pihak.

Sepanjang tempoh siasatan seramai 212 individu meliputi mangsa, Petronas dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)




**KERATAN muka depan KOSMO! 5 April 2025.**

pemaju dan kontraktor.

Selain itu, melibatkan saksi bebas termasuk dari media sosial dan pakar bebas.

"Kerja-kerja penggantian ikut garis panduan MBSJ, Jabatan Alam Sekitar dan Petronas dengan jarak 40 meter daripada paip gas.

"Kerja-kerja pengorekan tidak melibatkan gangguan paip secara langsung kerana kedalaman paip petronas adalah 3.5 meter serta tiga meter dari paip kumbahan.

"Tiada kes sabotaj (dalam kerja pengorekan dan penggantian paip) yang berakhir pada 30 Mac lalu," katanya pada sidang akhbar laporan siasatan punca kejadian tersebut di sini semalam.

Terdahulu, tragedi letupan yang berlaku kira-kira pukul 8.10 pagi pada 1 April itu telah menjejaskan seramai 529 penduduk daripada 118 keluarga.

Menurut Hussein, hasil siasatan turut mendapati tiada bacaan tekanan pada gas dan normal.

Tambahnya, ia hanya menurun mendadak semasa kejadian.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Husdin Che Mamat berkata, siasatan mendapati paip gas yang terlibat memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

"Namun begitu, bahagian bawah paip didapati tidak disokong sepenuhnya oleh tanah yang lembut dan lembap.

"Kesimpulannya, keadaan itu menyebabkan tanah di bawah paip tidak cukup kuat untuk menampung berat dan tekanan paip, menyebabkan ia menjadi tidak stabil, bocor dan akhirnya meletup," katanya.

Link :
https://www.nama.com.my/print_news/2025/07/01/20250701_n60_ksm_a0633_5_fc_6900192025070101010101005_zs3ywpcbsyirkguthlgo.jpg

KOSMO

TARIKH : 01 JULY 2025

Siasatan turut beri tumpuan beberapa faktor antaranya kerja pembinaan deretan kedai dan penggantian paip oleh kontraktor

# Tiada unsur sabotaj, cuai kebakaran paip gas – Polis

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SHAH ALAM

LAPORAN MUKA DEPAN

Polis Selangor mengesahkan tiada unsur khianat, sabotaj atau kecuaian dikenal pasti dalam insiden kebakaran melibatkan saluran paip gas milik Petronas di Putra Heights Subang Jaya pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, hasil siasatan menyeluruh bersama pelbagai agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Petronas mendapati kejadian itu berpunca daripada saluran paip gas bawah tanah milik syarikat berkenaan.



HUSSEIN

"Kebakaran berlaku kira-kira jam 8.06 pagi dan mengambil masa tujuh jam untuk dipadamkan sepenuhnya oleh bomba.

"Siasatan polis melibatkan dua aspek utama iaitu unsur khianat di bawah Seksyen 435 dan kecuaian mengikut Seksyen 285 dan 286 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung laporan siasatan insiden kebakaran Putra Heights di Wisma Dewan Annexe Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Shah Alam di sini pada Isnin.

Menurut beliau, siasatan turut memberi tumpuan kepada beberapa faktor antaranya kerja-kerja pembinaan deretan kedai dan penggantian paip oleh kontraktor, kemungkinan perbuatan sabotaj dan aktiviti lain seperti pembakaran mercun di kawasan kejadian.

"Polis telah memproses lokasi kejadian dan mengambil beberapa sampel bahan untuk dianalisis," ujarnya.

Selain itu katanya, sebanyak 212 individu termasuk mangsa, saksi bebas, wakil agensi berkaitan seperti Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), pemaju, kontraktor dan pakar bebas telah dirakam percakapan.

Tambah beliau, hasil siasatan mendapati, pembinaan lot kedai dan penggantian penutup saluran paip dilakukan mengikut garis panduan ditetapkan MBSJ dan Petronas dan berada di zon penampan sejauh 40 meter dari paip gas.

"Kerja penggantian paip dilakukan secara berhati-hati tanpa mengganggu paip sedia ada yang terletak pada kedalaman 5.6 meter dari paras jalan.

"Tiada aktiviti pembinaan dijalankan ketika kejadian berlaku dan tiada bukti sabotaj atau khianat dikesan," kata beliau.

Hussein berkata, tekanan gas yang dicatatkan di Pusat Kawalan Gas Petronas juga berada pada bacaan normal sebelum kejadian dan hanya menunjukkan penurunan drastik sejurus insiden berlaku.

"Berdasarkan siasatan terperinci, pihak polis mendapati tiada sebarang elemen jenayah atau kecuaian yang boleh dikaitkan sebagai punca kebakaran," jelas beliau.

## KRONOLOGI

**1 April 2025**
JBPM Selangor mengesahkan berlaku kejadian kebakaran saluran paip gas di Taman Puchong Perdana, Puchong, Selangor jam 8.23 pagi.

**3 April 2025**
Sebanyak 85 rumah yang terlibat dalam kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya telah disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

**5 April 2025**
Dua syarikat korporat terkemuka tampil menyalurkan sumbangan wang tunai kepada 400 keluarga yang menjadi mangsa kebocoran gas di Putra Heights.

**6 April 2025**
Polis Selangor menjalankan siasatan menyeluruh dengan menggali semula laluan paip kumbahan yang dipasang oleh sebuah syarikat kontraktor.

**6 April 2025**
Polis menegaskan tiada keperluan mendedahkan identiti syarikat kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pengorekan tanah berhampiran lokasi kebakaran.

**6 April 2025**
Kerja-kerja siasatan oleh JKKP di kawasan kawah yang terbentuk akibat letupan saluran gas belum dapat dimulakan.

**10 April**
190 rumah yang terjejas diduduki semula.

**30 April 2025**
Polis kenal pasti lokasi sebuah jentera pengorek (ekskavator) yang dikhuatiri terbenam di kawasan letupan.

**30 April 2025**
Proses baik pulih rumah mangsa dimulakan seawal minggu ini.

**27 Mei 2025**
Polis mengesahkan laporan penuh insiden diketahui dan dibentang hujung Jun.

**4 Jun 2025**
Kerajaan Selangor melanjutkan bantuan pembiayaan sewa rumah kepada mangsa sehingga sekurang-kurangnya April tahun hadapan.

**25 Jun 2025**
Siasatan teknikal dijangka siap sepenuhnya 26 Jun.

**30 Jun 2025**
Sidang media berhubung laporan rasmi diumumkan.

Link :
https://www.nama.com.my/print_news/2025/07/01/20250701_n60_snh_na_6_fc_6900152025070101010101006_t83wwpcbsyirkgutfk4a.jpg

SINAR HARIAN

TARIKH : 01 JULY 2025

# Putra Heights gas blast not caused by sabotage

Joint probe by police and DOSH finds no criminal act or negligence in explosion; structural stress and soil instability cited as causes

BY **HARITH KAMAL**
*newsdesk@thesundaily.com*

**SHAH ALAM:** There is no evidence of sabotage or negligence behind the gas pipeline failure and explosion in Putra Heights on April 1, said Selangor Police Chief Datuk Hussein Omar Khan.

Speaking at a press conference at the Selangor state government office yesterday, Hussein said a thorough joint investigation by the police and the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) had ruled out foul play.

"Our focus was on contractors working on nearby shoplots and surrounding areas, including the possibility of bombs or fireworks."

Investigators interviewed 212 individuals, including victims, Petronas representatives, local council officials, developers, contractors, independent witnesses and members of the public.

The investigation yielded several key findings, said Hussein.

They are:

* The shoplot structures and pipeline were built in accordance with guidelines set by the Subang Jaya City Council and Petronas, including a 40-metre buffer zone from the gas line;

*Excavation work for sewer lines did not directly affect the pipeline, which was buried 5.6 metres deep and located 3.5 metres from the sewer line; and

*There was no construction activity or sign of sabotage at the time of the explosion. Sewer works had ended on March 30, and no abnormal gas readings were recorded prior to the blast. Levels only dropped suddenly when the explosion occurred.

Hussein said police had explored possible sabotage under criminal provisions and negligence under Sections 285 and 286 of the Penal Code, related to fire and explosive materials.

"In conclusion, there is no evidence of sabotage or negligence that directly caused the pipeline failure or explosion."

DOSH petroleum safety division director Husdin Che Amat said the likely cause was a combination of excessive ground pressure, unstable soil and prolonged external stress.

"A technical probe was carried out with other agencies to determine the root cause of the leak near Jalan Putra Harmoni. Five pipe samples were collected between April 15 and May 8.

"Analysis revealed stress lines at the pipe's fracture points, indicating the damage built up over time rather than being caused by a single event.

"The failure stemmed from a welding joint that gave way due to tensile overload. Stretch lines along the pipe's diameter pointed to material fatigue from repeated stress."

Husdin said metallurgical testing confirmed that long-term external pressure was a significant factor.

"Poor drainage, soft soil and accumulated groundwater further weakened the pipe. The Public Works Department (PWD) found a 15.9cm displacement at the welded joint."

He also said Petronas has identified other sections of its gas pipeline network that may be vulnerable to similar issues that caused the explosion.

"The agency (DOSH) has engaged with Petronas to outline the immediate and long-term steps that need to be taken.

"Clear directives have been issued, as the root issue has been identified. Petronas will now take proactive steps to carry out the necessary upgrades and improvements."

The Fire and Rescue Department concluded that friction between metal components of the ruptured pipeline likely ignited the gas and triggered the blast.

The explosion destroyed 81 houses with structural damage exceeding 40%, partially destroyed another 81 and affected 57 without burning, while 218 houses were unaffected.

Link :
https://www.nama.com.my/print_news/2025/07/01/20250701_n60_apl_ntn_3_fc_690045202507010101010103_c80owpcbsyirkgutp5ib.jpg

ASIA TIMES (PULSE)
TARIKH : 01 JULAI 2025

PUTRA HEIGHTS FIRE

# 'WEAK SOIL LED TO BLAST'

## Soil under pipeline too soft and damp, no evidence of foul play, say authorities

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND IYLIA MARSYA ISKANDAR
**SHAH ALAM**
news@nst.com.my

GROUND subsidence has been identified as the cause of the Putra Heights underground gas pipeline explosion on April 1, the Occupational Safety and Health Department (DOSH) said.

The department's Petroleum Safety Division director, Husdin Che Amat, said the soil beneath the pipeline was too soft and damp to support its weight and pressure, causing the pipe to become unstable, leak and eventually explode.

"Although the pipeline met all technical and safety specifications, the lower section lacked full soil support," he said at a press conference yesterday.

He said repeated movement of the pipe due to weak soil conditions, known as cyclic loading, led to stress and fatigue on the pipe surface.

Metallographic analysis confirmed tensile overload as the primary cause, which developed gradually and resulted in ductile failure that released gas and ignited a fire.

Husdin also said the failure was not caused by surface activities but by inadequate underground soil support.

He added that Petronas had identified a section within its 2,680km gas pipeline network with similar issues and had been instructed to carry out immediate corrective measures.

"We have issued clear directives for both short- and long-term remedial actions."

Police said they found no evidence of foul play, sabotage or negligence in the incident.

State police chief Datuk Hussein Omar Khan said the Petronas Gas Control Centre recorded no abnormal readings and gas pressure was normal before the incident, though a sudden pressure drop was detected during the explosion.

"The investigation found no evidence of foul play, sabotage, or negligence that could have caused damage to the gas pipeline and triggered the explosion," he said at the press conference.

"The construction of shop offices and sewer pipe replacement at the incident site followed Subang Jaya City Council, local authorities, Environment Department and Petronas guidelines.

"The works were conducted within the designated buffer zone, which is 40m from the Petronas gas pipeline."

He added that earthworks for the sewer pipe replacement by the contractor did not directly interfere with the Petronas pipeline, as the physical gas pipe was located 5.6m underground, and there was a 3.5m horizontal distance between the Petronas pipeline and the sewer pipe.

Hussein added that no construction work was being done at the time of the incident.

The state government will form a special committee with Petronas and relevant agencies to follow up on proposed actions, legislation and regulations following the April 1 gas pipeline explosion in Putra Heights.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the committee, under the State Disaster Management Unit, would review investigation findings and submit recommendations to the state and federal governments.

These include proposed legal reforms, planning approval procedures and development policies to prevent similar incidents.

He said the recommendations would also consider climate change-related risks and focus on strengthening safety measures along gas pipeline Right-of-Way routes.

"The committee will outline follow-up actions the government needs to take, including legal aspects, regulatory updates, and disaster response strategies," he said.

"The goal is to ensure that such an incident does not recur, or at the very least, that we are better prepared for similar risks."

Amirudin said although the gas pipe met technical specifications and standards, the failure was found to be caused by environmental factors.

"These include unstable soil conditions, long-term accumulation of groundwater, which caused the soil to soften, monsoon drainage structures and culverts affected by the soil conditions, as well as climatic stress and population density."

He said the investigation also found that since the gas pipeline was commissioned in 2000, there had been a 24.3cm of soil subsidence over 25 years.

"The impact of the soil subsidence has caused the gas pipeline to move by 15.9cm and this is evidenced in pipe sampling, which shows signs of stress and fatigue in the pipe structure.

"The Minerals and Geosciences Department also found that the land area is waterlogged and has natural groundwater reservoirs which have caused the soil in the area to become soft."

On April 1, a massive fire broke out at a Petronas gas pipeline in Putra Heights, Subang Jaya, causing widespread panic as flames shot into the air.

The heat from the flames, visible for kilometres away, melted plastic and metal within a wide radius of the pipeline.

Some 145 people, including three children, were affected, with a number of victims suffering second-degree burns.

A total of 227 houses and 365 vehicles were damaged in residential areas near the pipeline.

Link :
https://www.nama.com.my/print_news/2025/07/01/20250701_n60_nst_a0308_6_fc_69001720250701010101006_qm39wzcbsyirkguthzdg.jpg

**New Straits Times**
**TARIKH : 01 JULAI 2025**

# Penduduk hormati keputusan, masih tuntut keadilan dan pampasan



*Keadaan terkini lokasi insiden letupan paip gas di Putra Heights.* (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

**Kuala Lumpur:** Penduduk Kampung Kuala Sungai Baru menghormati keputusan siasatan insiden letupan paip gas di Putra Heights, namun masih menuntut keadilan dan pampasan atas kerugian keseluruhan yang dialami.

Salah seorang penduduk, Mohd Badly Nordin, 40, berkata walaupun siasatan dijalankan dan hasilnya sudah dimaklumkan, ramai masih tertanya-tanya mengenai pihak yang akan bertanggungjawab menyelesaikan tuntutan pampasan, khususnya bagi rumah sewa dan perniagaan yang terjejas.

"Kami tidak menolak hasil siasatan, namun keadilan perlu ditegakkan. Ramai penduduk hilang mata pencarian. Perniagaan musnah, malah ada bas penduduk yang turut terbakar. Sampai sekarang belum ada khabar mengenai bentuk pampasan lanjut," katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam pada itu Mohd Badly turut mempersoalkan tindakan susulan yang akan dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam menangani isu ini.

"Siapa yang akan tampil bertanggungjawab? Setakat ini pemilik rumah persendirian sahaja yang difahamkan menerima rumah ganti baharu, namun bagaimana pula dengan peniaga rumah sewa selain penduduk lain yang terjejas mata pencariannya.

"Mereka juga terkesan, malah sehingga kini masih belum menerima sebarang maklumat rasmi apa bantuan yang akan diterima," jelasnya.

Justeru katanya, penduduk terjejas mahu dan menggesa pihak berkuasa tampil memberi penjelasan dan memastikan semua golongan terjejas, termasuk penyewa dan peniaga kecil, tidak diketepikan dalam pemberian pampasan.

"Pihak terbabit perlu turun padang berjumpa dengan setiap penduduk untuk perjelaskan perkara ini... sudah tiga bulan, peniaga sangat terjejas.

"Setakat ini ada lebih 20 rumah sewa di sekitar ini terbakar dan masih belum ada sebarang keputusan pampasan berhubung perkara ini," katanya.

Terdahulu, *BH* melaporkan tiada unsur sabotaj, perbuatan khianat atau kecuaian dikenal pasti sebagai punca kejadian letupan paip gas bawah tanah milik PETRONAS di Putra Heights, Subang Jaya, pada 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, dilaporkan berkata siasatan menyeluruh dilakukan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), PETRONAS serta pelbagai agensi, dengan mengambil kira semua sudut kemungkinan.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Sharifah Mustafa, berkata meskipun laporan menyatakan tanah lembap dan lembut punca kepada letupan berkenaan, penduduk amnya masih belum mendapat jawapan siapa pihak yang bertanggungjawab atas kejadian yang berlaku.

"Setakat ini, (penduduk) macam belum dapat jawapan pihak yang bersalah (bertanggungjawab).

"Walaupun laporan siasatan kata faktor tanah menjadi punca... tapi takkan tiada apa-apa yang menyebabkan keadaan tanah jadi lembik.

"Nampaknya kena tunggu jawapan jawatankuasa khas teliti laporan oleh Kerajaan Selangor. Mungkin tiga bulan lagi," katanya.

Link :
https://www.nama.com.my/print_news/2025/07/01/20250701_n60_brh_na_7_fc_6900132025070101010101007_lm0hwpcbsyirkgutppwr.jpg

BERITA HARIAN

TARIKH : 01 JULAI 2025